

17 JAN 2001  
Kabinet-Pelantikan  
DUA MUKA BARU DALAM KABINET

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Datuk Shahrizat Abdul Jalil dilantik sebagai Menteri Hal Ehwal Wanita manakala Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, menurut kenyataan pejabat Perdana Menteri hari ini.

Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri manakala Senator Datuk M.Kayveas pula dilantik sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Senator Datuk Zainuddin Maidin dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan.

Menurut kenyataan itu, menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri akan mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara pada 30 Jan ini.

Zainuddin akan mengangkat sumpah jawatan sebagai Setiausaha Parlimen di hadapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga pada 30 Jan ini di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya, kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan dua muka itu, Yang di-Pertuan Agong telah dimaklumkan oleh Perdana Menteri mengenai pelantikan anggota pentadbiran yang melibatkan Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri serta Setiausaha Parlimen.

Ini berikutan dengan peletakan jawatan oleh Senator Datuk Dr Abdul Hamid Othman sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri mulai 15 Jan lepas, kata kenyataan itu.

Abdul Hamid Zainal Abidin yang merupakan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, akan terlebih dahulu dilantik sebagai Ahli Dewan Negara sebelum dilantik sebagai Menteri.

Pelantikan beliau telah juga mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, kata kenyataan itu.

--BERNAMA  
ES ES MAI